

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM- SOALAN NOVEL DAN SKEMA JAWAPAN

SET 1 – JOHOR 2019

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan tema dalam novel tersebut. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Tema novel ini adalah tentang keberanian seorang anggota tentera dalam mempertahankan tanah air.

Bukti yang pertama ialah keberanian menganggotai Rejimen Askar Melayu walaupun mengetahui risiko sebagai askar. Adnan berani menganggotai Rejimen Askar Melayu dan sanggup menjalani latihan ketenteraan yang keras dan penuh disiplin di Kem Haig Lines, Port Dickson. Adnan dilatih menggunakan senjata api, teknik mempertahankan diri dan gerak tempur. Adnan turut mempelajari ilmu agama dan undang-undang. Hasil keberanian Adnan akhirnya beliau muncul sebagai rekrut terbaik.

Bukti yang kedua ialah keberanian dalam usaha untuk mempertahankan negara ini daripada dijajah oleh tentera Jepun. Adnan sanggup terkorban di tangan Jepun demi memastikan Bukit Candu tidak jatuh ke tangan Jepun. Walaupun semua askar Melayu telah terkorban dan yang tinggal hanya Leftenan Adnan dan Koperal Yaakob, namun Leftenan Adnan tetap terus berjuang menentang Jepun. Selepas senjata api mereka kehabisan peluru, Leftenan Adnan terus bertempur menggunakan bayonet hingga akhirnya beliau ditangkap lalu dibunuh dengan kejam oleh tentera Jepun.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Tema novel ini ialah kecantikan fizikal bersifat sementara tetapi ilmu yang dimiliki seseorang dapat melindungi kelemahan diri.

Bukti yang pertama ialah kecantikan fizikal menyebabkan seseorang itu menjalani pembedahan. Waheeda yang mahu kelihatan cantik sanggup menjalani pembedahan kosmetik selepas diserang oleh seekor monyet Belanda. Waheeda telah dcederakan oleh monyet Belanda pada bahagian muka dan hidungnya menyebabkan Dr. Zakaria menjahit luka pada kulit pipi dan hidung Waheeda.

Bukti yang kedua ialah kecantikan fizikal menyebabkan isteri dicerai oleh suaminya. Kecantikan wajah yang dimiliki oleh Waheeda menyebabkan Waheeda banyak kenalan lelaki sehinggakan Zahid menuduh Waheeda mempunyai hubungan dengan Dawood selepas menemukan mereka di dalam bilik chalet Tajau Emas. Zahid cemburu apabila melihat kemesraan Waheeda dengan semua pelanggan di chalet tersebut. Sikap cemburu Zahid ini menyebabkan Waheeda dicerai olehnya.

b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat pelbagai peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang dalam kedua-dua buah novel.

Dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa, terdapat peristiwa kasih sayang Mak Milah dan Pak Saidi terhadap anak-anak. Mak Milah dan Pak Saidi menyayangi anak-anaknya iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah dengan memberikan perhatian dan kasih sayang yang secukupnya. Kesemua anaknya diberikan didikan agama, ilmu kepahlawanan dan pendidikan Inggeris. Mereka berbuat demikian dengan harapan agar anak-anak mereka akan menjadi anak-anak yang berilmu dan berguna kepada bangsa dan negara. Bagi Pak Saidi, anak-anaknya perlu belajar daripada bangsa yang berjaya supaya mendapat ilmu pengetahuan yang tinggi.

Peristiwa tentang nilai kasih sayang dalam novel Tirani ialah peristiwa kasih sayang Waheeda terhadap suami, Zahid. Waheeda begitu menyayangi Zahid dan amat terkesan dengan sikap dingin Zahid terhadapnya. Zahid jarang pulang ke Tajau Emas dan sekiranya Zahid datang, kedatangannya itu hanya menambahkan luka di hati Waheeda. Perasaan sayang dan cinta terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram. Waheeda mengalami kemurungan apabila Zahid melafazkan cerai talak satu kepadanya di hadapan keluarganya. Waheeda terpaksa mendapatkan rawatan dengan Dr. Qamariah untuk mengatasi masalah kemurungannya.

SET 2 – SMK SUNGAI KARANGAN, KULIM, KEDAH

(a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan dua latar tempat yang melibatkan watak utama dalam novel tersebut. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak latar tempat yang melibatkan Leftenan Adnan dalam novel ini. Latar tempat yang pertama adalah di Kem Tentera Haig Lines, Port Dickson. Adnan dan Mamat menjalani latihan ketenteraan di Kem Tentera Haig Lines, Port Dickson. Daripada seribu orang yang memohon hanya 25 orang sahaja yang terpilih dalam pasukan yang digelar Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu. Mereka telah menjalani latihan ketenteraan selama setahun di kem tersebut.

Latar tempat yang kedua adalah di Kampung Sungai Ramal. Di sinilah tempat Adnan dan Budin berlawan tinju. Kekalahan pasukan bola sepak dari Sungai Merab dengan pasukan bola sepak Kampung Sungai Ramal menyebabkan perasaan tidak puas hati. Pasukan bola sepak dari Sungai Merab mencadangkan perlawanan tinju antara jaguh kedua-dua buah kampung. Perlawanan yang dirancang akhirnya berkesudahan dengan hampa apabila Budin dan Adnan berdamai kerana menganggap pertandingan tersebut tidak sah kerana tidak dijalankan mengikut peraturan.

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak latar tempat yang melibatkan Waheeda dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di rumah Bazilah. Waheeda menumpang di rumah Bazilah yang terletak di Yishun Street, Singapura. Waheeda menumpang tinggal sementara di rumah Bazilah kerana dia akan menjalani pembedahan di Silicon Medical Centre.

Latar tempat yang kedua adalah di Silicon Medical Centre(SMC). Waheeda menjalani pembedahan mata dan hidungnya di SMC. Pembedahan ini telah dilakukan oleh Dr. Shirrim Ghazizadeh dan Dr. Averroes atau Dr.Rushdi. Selepas menjalani pembedahan, Waheeda diminta memakai cermin mata hitam bagi melindungi matanya yang masih membengkak.

(b) Pengarang mengemukakan beberapa peristiwa keberanian dalam setiap novel. Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu pengajaran tentang keberanian yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat beberapa pengajaran tentang keberanian dalam novel ini.

Dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa, pengajaran tentang keberanian yang ditonjolkan oleh pengarang ialah kita haruslah berani berkorban demi mempertahankan negara yang tercinta. Leftenan Adnan berani memimpin pasukannya untuk mempertahankan kubu di Bukit Candu. Selain ramai askar Melayu di bawah pimpinan beliau terkorban serta kehabisan peluru, Leftenan Adnan tetap meniupkan api semangat kepada pasukannya agar terus berjuang menentang Jepun. Leftenan Adnan sendiri mengendalikan senjata mesingan jenis Lewis Gun . Walaupun Adnan cedera parah namun beliau tetap menyuruh orang-orangnya berjuang sehingga ke titisan darah terakhir. Keberanian Adnan menyerang tentera Jepun sehingga ramai askar Jepun terkorban menyebabkan tentera Jepun marah.

Pengajaran tentang keberanian yang terdapat dalam novel Tirani pula ialah kita perlulah berani mengambil risiko dalam perniagaan demi memajukan perniagaan yang diusahakan. Waheeda berani membuat pinjaman baharu daripada Bank Pembangunan cawangan Sarawak untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, Abdul Aziz Imran. Chalet Iwana-Iwani diberikan nama baharu iaitu Aya-Sajinah setelah diambil alih oleh Waheeda. Dengan kebijaksanaan Waheeda dan Izzati menguruskan Chalet Aya-Sajinah, maka perniagaannya semakin berkembang maju dan Chalet Aya-Sajinah dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara.

SET 3 – JPN KELANTAN 2019

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan peristiwa bahagian peleraian yang menarik minat pembaca. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian yang boleh menarik minat pembaca.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun. Pak Saidi telah melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi telah berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana pembaca kagum akan semangat patriotik dan keberanian Pak Saidi yang sanggup berjuang mempertahankan maruah negara dan keluarga hingga titisan darah terakhir.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah peristiwa penduduk kampung yang tidak memberikan maklumat kepada tentera Jepun yang mencari ahli keluarga Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal. Mereka menyembunyikan keluarga Adnan. Hanya Pak Saidi yang berjaya dikesan oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana wujudnya kerjasama dalam kalangan penduduk kampung untuk menyelamatkan keluarga Leftenan Adnan yang telah terkorban demi negara.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian yang boleh menarik minat pembaca.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah peristiwa Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan Chalet Iwana-Iwani yang terletak di Cameron Highlands daripada Pak Cik Aziz dan menukarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah. Waheeda menggembleng kudratnya untuk membangunkan chalet itu walaupun kadang kala terpaksa berjauhan dengan anak kesayangannya, Izzati yang bersekolah di Sarawak.

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana kegigihan Waheeda dalam perniagaan Chalet Aya-Sajinah telah berjaya membuahkan kejayaan apabila chalet tersebut menjadi tumpuan pelancong. Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah peristiwa Zahid muncul pada waktu pagi di Kafe Iwana-Iwani dengan harapan akan dapat melihat wajah Izzati dengan lebih dekat lagi. Akhirnya, pertemuan Zahid dan Izzati mengungkap rasa kesal, sedih dan reda kerana gadis yang dilihat oleh Zahid dalam tiga hari ini ialah anaknya yang selama ini dirindukannya. Zahid juga ingin bertemu dengan Waheeda untuk meluahkan perasaan rindu, kesal dan bersalah akibat tindakannya mengabaikan dan meninggalkan Waheeda dan Izzati selama 20 tahun. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Zahid akhirnya insaf atas kesilapannya selama ini yang mengabaikan keluarganya.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu pengajaran tentang hormat-menghormati bagi setiap novel. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak pengajaran tentang hormat-menghormati dalam kedua-dua buah novel tersebut.

Pengajaran tentang hormat-menghormati dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah kita perlulah menghormati keputusan ibu bapa demi kebaikan diri. Adnan menghormati keputusan Mak Milah dan Pak Saidi untuk menjodohkannya dengan Sophia anak Pak Faqih Muda. Walaupun Adnan tidak mengenali Sophia, namun Adnan tidak membantah keputusan ibu dan bapanya.

Pengajaran tentang hormat-menghormati dalam novel Tirani ialah kita haruslah menghormati keputusan ibu bapa agar tidak membuat keputusan yang menyalahi hukum agama. Waheeda menghormati keputusan Raidah dan Fadhil yang tidak mengizinkannya melakukan pembedahan kosmetik kerana perbuatan mengubah fitrah Allah bertentangan dengan kehendak agama Islam dan juga melanggar adat resam keturunan mereka.

SET 4 – JPN MELAKA 2019

(a) Berdasarkan yang anda pelajari, jelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Kem Tentera Haig Lines, Port Dickson. Adnan dan Mamat menjalani latihan ketenteraan di Kem Tentera Haig Lines, Port Dickson. Daripada seribu orang yang memohon hanya 25 orang sahaja yang terpilih dalam pasukan yang digelar Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu. Mereka telah menjalani selama setahun di kem tersebut.

Latar tempat yang kedua adalah di Kampung Sungai Ramal. Di sinilah tempat Adnan dan Budin berlawan tinju. Kekalahan pasukan bola sepak dari Sungai Merab dengan pasukan bola sepak Kampung Sungai Ramal menyebabkan perasaan tidak puas hati. Pasukan bola sepak dari Sungai Merab mencadangkan perlawanan tinju antara jaguh kedua-dua buah kampung. Perlawanan yang dirancang akhirnya berkesudahan dengan hampa apabila Budin dan Adnan berdamai kerana mengganggu pertandingan tersebut tidak sah kerana tidak dijalankan mengikut peraturan.

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di rumah Bazilah. Waheeda menumpang di rumah Bazilah yang terletak di Yishun Street, Singapura. Waheeda menumpang tinggal sementara di rumah Bazilah kerana dia akan menjalani pembedahan di Silicon Medical Centre.

Latar tempat yang kedua adalah di Silicon Medical Centre(SMC). Waheeda menjalani pembedahan mata dan hidungnya di SMC. Pembedahan ini telah dilakukan oleh Dr. Shirrim Ghazizadeh dan Dr. Averroes atau Dr.Rushdi. Selepas menjalani pembedahan, Waheeda diminta memakai cermin mata hitam bagi melindungi matanya yang masih membengkak.

(b) Setiap novel mempunyai plot yang pastinya mampu menarik perhatian para pembaca. Huraikan peleraian dalam dua buah novel yang telah anda kaji. [8 markah]

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah.

Peleraian dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah peristiwa tanggungjawab ibu menyara anak-anaknya selepas kematian suaminya. Sophia membesarkan anak-anaknya setelah kematian suaminya dengan mengerjakan sawah dan memotong getah sebelum berkhidmat semula sebagai guru di sekolah Sungai Ramal. Akhirnya, Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka.

Peleraian dalam novel Tirani ialah peristiwa mendapatkan rawatan kaunseling. Ghazi dan Raidah menemani Waheeda mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur. Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan chalet Iwana-Iwani milik Pakcik Abdul Aziz yang terletak di Cameron Highland dengan menukarkan nama chalet tersebut kepada Aya-Sajina. Kebetulan Zahid dan Aiman menginap di chalet tersebut, mereka sedang berehat dan bersembang tentang pelbagai perkara terutama perihal keinsafannya atas kesilapan masa silam.

SET 5 – MRSM SE-MALAYSIA

(a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan dua peristiwa pada bahagian peleraian novel tersebut. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian dalam novel tersebut.

Peristiwa peleraian yang pertama ialah peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun. Pak Saidi telah melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi telah berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi.

Peristiwa peleraian yang kedua ialah peristiwa Sophia bertanggungjawab menyara anak-anaknya selepas kematian suaminya. Sophia membesarkan anak-anaknya setelah kematian suaminya dengan mengerjakan sawah dan memotong getah sebelum berkhidmat semula sebagai guru di sekolah Sungai Ramal. Akhirnya, Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian dalam novel ini.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah peristiwa Waheeda mendapatkan rawatan kaunseling. Ghazi dan Raidah menemani Waheeda mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur. Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan chalet Iwana-Iwani milik Pakcik Abdul Aziz yang terletak di Cameron Highlands dengan menukarkan nama chalet tersebut kepada Aya-Sajina. Kebetulan Zahid dan Aiman menginap di chalet tersebut, mereka sedang berehat dan bersembang tentang pelbagai perkara terutama perihal keinsafannya atas kesilapan masa silam.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah peristiwa Zahid menyesal atas perbuatannya terhadap isterinya, Waheeda. Zahid menangis apabila memberitahu dan mengesahkan bahawa Izzati merupakan anak kandungnya dan Waheeda, insan yang dicarinya selama ini. Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan Izzati, Lais menenangkan Zahid dan Waheeda manakala Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bapanya, Zahid.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan satu peristiwa daripada latar tempat yang ditetapkan seperti yang berikut: [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah.

Dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa, latar tempat yang telah ditetapkan adalah di Bukit Candu. Peristiwa yang berlaku di Bukit Candu ialah peristiwa Leftenan Adnan terkorban di Bukit Candu. Mayatnya digantung di dahan pokok ceri dengan kepalanya ke bawah dan ditikam bertalu-talu oleh tentera Jepun dengan bayonet sehingga hancur.

Dalam novel Tirani, latar tempat yang telah ditetapkan adalah di Chalet Tajau Emas. Peristiwa yang berlaku di Chalet Tajau Emas ialah peristiwa monyet Belanda menyerang dan mencakar wajah Waheeda. Muka Waheeda yang dicakar oleh monyet Belanda di Chalet Tajau Emas menyebabkannya terpaksa menjalani pembedahan plastik di bahagian muka.

SET 6 (JPN NEGERI SEMBILAN 2019)

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca. Berikan alasan anda. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah peristiwa peperangan sengit yang berlaku di Bukit Candu. Walaupun banyak pemimpin yang hebat telah terkorban, namun askar Tanah Melayu tidak pernah menyerah kalah dan berundur. Mereka berperang sehingga ke titisan darah terakhir demi mempertahankan negara yang dicintai. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana askar Tanah Melayu pada zaman penjajahan menunjukkan semangat nasionalisme dan cinta akan tanah air yang begitu tinggi supaya musuh negara tidak dapat menjajah tanah air.

Peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam novel Tirani ialah peristiwa Waheeda melakukan pembedahan rekonstruksi atau pembinaan semula wajahnya. Waheeda telah melakukan pembedahan pada bahagian hidungnya yang pesek kerana mahu menjadi cantik dan berhidung mancung. Akibat daripada perbuatannya itu, dia dituduh curang kerana

anak yang dilahirkannya tidak secantik dirinya. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana kecantikan itu tidak menjamin kebahagiaan rumah tangga dan akhirnya musnah.

SET 7 – PPD TEMERLOH, PAHANG 2019

(a) Dalam sesebuah novel terdapat banyak peristiwa yang dapat memberi teladan kepada pembaca. Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan dua peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat pelbagai peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Sophia terpaksa mencari pendapatan sendiri kerana ibu dan ayahnya sakit. Pada sebelah pagi, Sophia menoreh getah manakala pada sebelah petang pula dia menanam padi. Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar berusaha dengan pelbagai cara untuk meneruskan kehidupan dan bukannya hanya menagih simpati daripada orang lain.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Pak Saidi melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris sedangkan tentera Jepun tersebut ramai dan bersenapan. Pak Saidi membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar berani menentang musuh yang mengancam keselamatan ahli keluarga.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu persoalan keberanian bagi setiap novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak persoalan keberanian dalam kedua-dua buah novel.

Persoalan keberanian yang terdapat dalam Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah persoalan keberanian mempertahankan Bukit Candu. Leftenan Adnan berani memimpin pasukannya untuk mempertahankan Bukit Candu. Selain ramai yang terkorban, pasukan askar di bawah pimpinan Leftenan Adnan juga kehabisan peluru. Namun, Leftenan Adnan dan pasukannya tidak mengalah sebaliknya meneruskan tentangan terhadap tentera Jepun sehingga ramai tentera Jepun yang terkorban. Dalam keadaan cedera parah, Leftenan Adnan tetap menaikkan semangat juang ahli pasukannya untuk bertahan bersungguh-sungguh demi tanah air tercinta.

Persoalan keberanian yang terdapat dalam novel Tirani pula ialah persoalan keberanian untuk mengembangkan perniagaan. Waheeda berani membeli Chalet Iwana-Iwani yang berhadapan dengan masalah kerana pemiliknya iaitu Pak Cik Aziz telah diisytiharkan muflis akibat penyelewengan yang dilakukan oleh pekerja-pekerjanya. Waheeda juga berani membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana-Iwani tersebut.

SET 8 – JPN PERAK 2019

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang menggambarkan nilai keberanian. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel ini.

Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah peristiwa keberanian Pak Saidi melawan tentera Jepun. Pak Saidi berani melawan tentera Jepun yang diarahkan oleh Jeneral Yamashita untuk mencari ahli keluarga Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal kerana ingin membalas dendam akibat kematian ramai tentera Jepun dan adiknya. Pak Saidi telah berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi.

Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel Tirani ialah peristiwa keberanian Waheeda menghadapi tuduhan negatif suaminya. Waheeda berani menghadapi tuduhan negatif suaminya kerana dia tidak bersalah. Waheeda menjelaskan kepada Dr Qamariah bahawa dia tidak takut akan tuduhan nusyuz yang dilemparkan oleh Zahid. Hal ini demikian kerana Waheeda yakin bahawa dia tidak pernah berlaku curang sebagaimana yang didakwa oleh Zahid.

SET 9 – JPN PERLIS 2019

(a) Watak utama dalam sesebuah novel digambarkan mempunyai keistimewaan yang tertentu. Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua perwatakan watak utama. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Watak utama dalam novel ini ialah Leftenan Adnan bin Saidi. Terdapat banyak perwatakan Leftenan Adnan dalam novel ini.

Perwatakan Leftenan Adnan yang pertama ialah seorang yang berani. Leftenan Adnan berani memimpin pasukannya untuk mempertahankan Bukit Candu. Walaupun ramai askar Melayu yang terkorban namun Leftenan Adnan tidak mengalah sehinggalah akhirnya beliau sendiri meninggal dunia setelah disiksa oleh tentera Jepun.

Perwatakan Leftenan Adnan yang kedua ialah seorang yang gigih. Adnan gigih menjalani latihan ketenteraan sehingga mendapat pangkat leftenan. Beliau gigih menjalani latihan ketenteraan yang keras dan penuh disiplin di Kem Haig Lines, Port Dickson. Beliau turut mempelajari ilmu agama dan undang-undang di kem tersebut. Selain itu, beliau dilatih menggunakan senjata api, teknik mempertahankan diri dan gerak gempur.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Watak utama dalam novel ini ialah Waheeda Nurlyana. Terdapat banyak perwatakan Waheeda dalam novel ini.

Perwatakan Waheeda yang pertama ialah seorang yang gigih. Waheeda gigih mengembangkan sayap perniagaannya apabila dia berani membuat pinjaman baharu dari Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana-Iwani di Cameron Highlands. Waheeda juga gigih apabila menyediakan pakej pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan untuk menarik para pengunjung menginap di chalet Tajau Emas.

Perwatakan Waheeda yang kedua ialah seorang yang bijaksana. Waheeda bijak menegakkan kebenaran apabila dia mendapatkan khidmat sahabat lamanya, Nurjihan untuk membuktikan bahawa Izzati ialah anaknya dengan Zahid. Waheeda telah menyerahkan sampel rambut Zahid, Izzati dan dirinya untuk ujian DNA.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu pengajaran tentang keprihatinan bagi setiap novel. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak pengajaran tentang keprihatinan dalam kedua-dua buah novel.

Pengajaran keprihatinan dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah kita haruslah prihatin dengan membantu rakan-rakan untuk memahami arahan dalam bahasa Inggeris. Adnan prihatin akan kesukaran rakan-rakannya untuk memahami arahan dalam bahasa Inggeris ketika menjalani latihan di Kem Haig Lines, Port Dickson. Dengan bantuan Adnan, masalah memahami arahan dalam bahasa Inggeris berjaya diatasi.

Pengajaran keprihatinan dalam novel Tirani ialah kita haruslah prihatin akan masalah keluarga agar dapat membantu mereka. Ghazi prihatin akan masalah yang dihadapi oleh keluarganya apabila Waheeda mengambil keputusan untuk menerima rawatan pembedahan plastik bagi merawat wajahnya yang cedera dicakar monyet Belanda. Ghazi sanggup balik ke pangkuan keluarga dengan melepaskan jawatannya di Petronas Miri bagi membantu ayahnya menguruskan Tajau Emas.

SET 10 – JPN PENANG 2019

(a) Latar tempat sangat penting dalam sesebuah novel. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Kem Tentera Haig Lines, Port Dickson. Adnan dan Mamat menjalani latihan ketenteraan di Kem Tentera Haig Lines, Port Dickson. Daripada seribu orang yang memohon hanya 25 orang sahaja yang terpilih dalam pasukan yang digelar Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu. Mereka telah menjalani selama setahun di kem tersebut.

Latar tempat yang kedua adalah di Kampung Sungai Ramal. Di sinilah tempat Adnan dan Budin berlawan tinju. Kekalahan pasukan bola sepak dari Sungai Merab dengan pasukan bola sepak Kampung Sungai Ramal menyebabkan perasaan tidak puas hati. Pasukan bola sepak dari Sungai Merab mencadangkan perlawanan tinju antara jaguh kedua-dua buah kampung. Perlawanan yang dirancang akhirnya berkesudahan dengan hampa apabila Budin dan Adnan berdamai kerana mengganggu pertandingan tersebut tidak sah kerana tidak dijalankan mengikut peraturan.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, bincangkan satu kepincangan masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat beberapa kepincangan masyarakat dalam kedua-dua buah novel.

Kepincangan masyarakat dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah kepincangan masyarakat yang suka berprasangka buruk dan berfikir negatif. Penduduk Sungai Ramal mewakili masyarakat yang berprasangka buruk dan berfikir negatif apabila mendapat tahu Pak Saidi menghantar anaknya belajar di sekolah Inggeris. Penduduk kampung menjadi gempar dan ada yang mahu menghalau Pak Saidi keluar dari kampung. Hal ini demikian kerana mereka khuatir anak Pak Saidi akan menjadi murtad sehingga melaporkan perkara itu kepada ketua kampung.

Kepincangan masyarakat dalam novel Tirani pula ialah kepincangan masyarakat yang suka berprasangka buruk dan cemburu. Bazilah mewakili masyarakat yang berprasangka buruk dan cemburu apabila melihat kemesraan hubungan antara Waheeda dengan tunangnya, Dr. Bahari ketika Waheeda menumpang tinggal di rumah Bazilah di Yishun Street, Singapura. Waheeda terpaksa melayani Dr. Bahari di ruang tamu kerana Bazilah sibuk menelaah dan sering memerap di dalam bilik untuk menyiapkan kajian dan bahan tesisnya. Akibat ingin menjaga perasaan Bazilah akhirnya Waheeda berpindah keluar dari rumah Bazilah dan tinggal di Flamingo Resort.

SET 11 – PENANG FREE SCHOOL 2019

a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan dua pengajaran yang telah diketengahkan oleh pengarang. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak pengajaran dalam novel ini.

Pengajaran yang pertama ialah kita mestilah mempunyai semangat patriotik untuk mempertahankan negara. Adnan menjadikan semangat tokoh pejuang terdahulu seperti Tok Gajah dan Mat Kilau yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi kerana sanggup berjuang mengabdikan nyawa demi mempertahankan negara yang tercinta.

Pengajaran yang kedua ialah kita perlulah adil dalam membuat keputusan agar tiada orang yang teraniaya. Tok Ketua adil dalam membuat keputusan apabila dia bertemu terlebih dahulu dengan Pak Saidi untuk merungkaikan masalah yang wujud dalam kalangan penduduk kampung berkaitan tindakan Pak Saidi menghantar anaknya ke sekolah Inggeris.

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak pengajaran dalam novel ini.

Pengajaran yang pertama ialah kita hendaklah rajin menelaah pelajaran untuk kejayaan pada masa depan. Waheeda rajin menelaah pelajaran sehingga dia memperoleh ijazah dalam bidang pengurusan perniagaan dan pelancongan. Begitu juga dengan Zahid yang rajin dan tekun belajar di Amerika Syarikat sehingga memperoleh sarjana dalam bidang undang-undang.

Pengajaran yang kedua ialah kita perlu melayani tetamu dengan penuh berhemah agar dapat menjaga imej keluarga. Fadhil dan Raidah melayani tetamu dengan penuh berhemah apabila keluarga Zahid datang ke rumahnya untuk merisik anak gadisnya, Waheeda. Sebagai ibu bapa, mereka melayan tetamu dengan begitu baik sekali.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu persoalan kegigihan watak utama yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Watak utama dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah Leftenan Adnan. manakala watak utama dalam novel Tirani ialah Waheeda. Terdapat banyak persoalan kegigihan watak utama dalam kedua-dua buah novel.

Persoalan kegigihan dalam novel Leftenan Wira Bangsa ialah persoalan kegigihan menjalani latihan ketenteraan. Adnan gigih menjalani latihan ketenteraan sehingga mendapat pangkat leftenan. Beliau gigih menjalani latihan ketenteraan yang keras dan penuh disiplin di Kem Haig Lines, Port Dickson. Beliau turut mempelajari ilmu agama dan undang-undang di kem tersebut. Selain itu, beliau dilatih menggunakan senjata api, teknik mempertahankan diri dan gerak gempur.

Persoalan kegigihan dalam novel Tirani pula ialah persoalan kegigihan dalam mempertahankan rumah tangga. Waheeda gigih mempertahankan rumah tangganya yang hampir runtuh bersama Zahid dengan membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa bayi yang dilahirkannya merupakan anaknya dan Zahid. Namun begitu, akhirnya Zahid tetap menceraikan Waheeda tanpa meneliti ujian DNA. Perceraian ini memberikan tekanan yang hebat kepada Waheeda sehingga dia kemurungan.

SET 12 – PPD LIMBANG, SARAWAK 2019

(a) Salah satu daripada persoalan yang terdapat dalam novel yang anda kaji. Jelaskan dua persoalan ketabahan dalam sebuah novel yang anda kaji. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak persoalan ketabahan dalam novel ini.

Persoalan ketabahan yang pertama ialah persoalan ketabahan seorang lelaki menghadapi kematian ahli keluarga yang disayangi. Pak Saidi tabah menghadapi kematian dua orang anaknya dalam masa seminggu iaitu Ahmad dan Adnan. Kemudian, Pak Saidi juga berhadapan dengan kehilangan isteri, iaitu Mak Milah yang bersama-samanya mengharungi segala pahit getir kehidupan. Pak Saidi tabah menerima ujian itu kerana baginya setiap yang diberikan oleh Allah adalah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan hamba-Nya.

Persoalan ketabahan yang kedua ialah persoalan ketabahan akibat dihina oleh penduduk kampung. Pak Saidi dihina dan dicemuh oleh penduduk kampung kerana ketegasan untuk meneruskan hasratnya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Penduduk kampung beranggapan bahawa sikap Pak Saidi yang menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris boleh memesongkan akidah mereka. Hasil ketabahan Pak Saidi ini membolehkan anak-anaknya berjaya dan dapat menguasai bahasa Inggeris.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak persoalan ketabahan dalam novel ini.

Persoalan ketabahan yang pertama ialah persoalan ketabahan menghadapi konflik dalam rumah tangga. Waheeda tabah menghadapi konflik dalam rumah tangga apabila Zahid menuduhnya mempunyai hubungan sulit dengan pelancong dari Dubai. Sikap cemburu buta Zahid ini tidak berkesudahan apabila Waheeda diceraikan oleh Zahid dengan talak satu di hadapan ibu dan ayah Waheeda. Hal ini dikatakan demikian kerana Zahid meragui wajah bayi mereka yang tidak mewarisi kecantikan Waheeda.

Persoalan ketabahan yang kedua ialah persoalan ketabahan berhadapan dengan ejekan rakan-rakan. Waheeda tabah menghadapi ejekan rakan-rakan seperti Si Nuar, Si Man dan Si Mat Gusi sewaktu zaman persekolahannya kerana memiliki hidung yang pesek. Waheeda sering kali menangis kerana iejek oleh rakan-rakannya dan berasakan dirinya tidak cantik seperti orang lain.

(b) Saspens juga dikenali dengan istilah ketegangan yang bermaksud peristiwa dalam novel yang menimbulkan keadaan tertanya-tanya atau perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku selanjutnya.

Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, huraikan satu peristiwa saspens bagi setiap novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat beberapa peristiwa yang mengandungi unsur saspens dalam kedua-dua buah novel.

Peristiwa yang mengandungi unsur saspens dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah peristiwa kedatangan askar Jepun yang memakai turban. Askar Jepun itu menyamarkan diri sebagai askar Sikh. Peristiwa ini menimbulkan perasaan ingin tahu sama ada dia benar-benar askar Sikh atau tidak. Akhirnya teka-teki pembaca terjawab apabila Adnan sedar akan penyamaran tersebut dan tentera Jepun yang menyamar sebagai askar Sikh telah dibunuh.

Peristiwa yang mengandungi unsur saspens dalam novel Tirani ialah peristiwa Waheeda kemurungan dan tidak bersemangat untuk meneruskan perniagaan. Peristiwa ini menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca sama ada Waheeda akan pulih ataupun tidak. Untuk mengetahuinya, pembaca perlu meneruskan pembacaan dan mendapat ibu Waheeda iaitu Raidah banyak memberikan sokongan dan dorongan kepadanya sehingga Waheeda berjaya mengatasi masalah kemurungan. Waheeda turut berjaya membuka cawangan chalet di Cameron Highlands.

SET 13 – SMK CHUNG HWA, MIRI, SARAWAK

(a) Salah satu nilai yang terdapat dalam novel yang anda kaji ialah nilai kasih sayang. Jelaskan dua peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang dalam sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kasih sayang Mak Milah dan Pak Saidi terhadap anak-anak. Mak Milah dan Pak Saidi menyayangi anak-anaknya iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah dengan memberikan perhatian dan kasih sayang yang secukupnya. Kesemua anaknya diberikan didikan agama, ilmu kepahlawanan dan pendidikan Inggeris. Mereka berbuat demikian dengan harapan agar anak-anak mereka akan menjadi anak-anak yang berilmu dan berguna kepada bangsa dan negara. Bagi Pak Saidi, anak-anaknya perlu belajar daripada bangsa yang berjaya supaya mendapat ilmu pengetahuan yang tinggi.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa kasih sayang antara apabila Tauke Chong bersedia menjual basikal baharu kepada Pak Saidi dengan bayaran secara ansuran bagi menggantikan basikal Pak Saidi yang telah dirosakkan oleh Nordin. Nordin merosakkan basikal Pak Saidi kerana mahu membalas dendam kepada Pak Saidi. Nordin menyalahkan Pak Saidi yang telah menyebabkannya teruk dipukul oleh bapanya setelah mendapat tahu kelakuan buruknya mencuri buah-buahan penduduk kampung.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kasih sayang Waheeda terhadap Zahid. Waheeda begitu menyayangi Zahid dan amat terkesan dengan sikap dingin Zahid terhadapnya. Zahid jarang pulang ke Tajau Emas dan sekiranya Zahid datang, kedatangannya itu hanya menambahkan luka di hati Waheeda. Perasaan sayang dan cinta terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram. Waheeda mengalami kemurungan apabila Zahid melafazkan cerai talak satu kepadanya di hadapan keluarganya. Waheeda terpaksa mendapatkan rawatan dengan Dr. Qamariah untuk mengatasi masalah kemurungannya.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa kasih sayang Raidah terhadap Waheeda. Raidah sanggup terbang ke Singapura semata-mata untuk bersama dengan Waheeda pada hari pembedahan mata dan hidung anaknya di Silicon Medical Centre. Raidah juga sanggup menjaga Waheeda ketika anaknya itu bersalin di Hospital Pakar Normah, Kuching serta menemani Waheeda untuk mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling atas penyakit kemurungannya di Pusat Rawatan Islam(Pusrawi), Kuala Lumpur.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan teknik pemerian yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak teknik pemerian yang digunakan oleh pengarang dalam kedua-dua buah novel.

Teknik pemerian dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah pengarang menggambarkan watak utama iaitu Adnan yang menghunus keris kayu pemberian ayahnya lalu menikam batang pisang. Dia berlagak seperti Hang Tuah yang menikam musuhnya. Pak Saidi yang baru pulang dari kebun tersenyum melihat telatah anaknya itu.

Teknik pemerian dalam novel Tirani ialah pengarang memerihalkan upacaramenyarung cincin perkahwinan pengantin lelaki di jari pengantin perempuan. Waheeda tersenyum mengalu-alukan Makcik Hazimah ibu saudara Zahid lalu menghulurkan tangan kanannya. Kemudian Makcik Hazimah menyarungkan cincin pemberian Zahid di jari Waheeda. Waheeda mencium tangan suaminya, Zahid lalu Zahid merapatkan wajahnya ke hadapan dan mencium dahi isterinya.

SET 15 – PERCUBAAN NEGERI SELANGIR (SET 2) 2019

(a) Berdasarkan sinopsis yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib.

Sinopsis novel ini dimulakan apabila pengarang menceritakan kehidupan Leftenan Adnan semasa kecil yang membesar bawah jagaan bapanya Pak Saidi dan Mak Milah. Adnan mendapat pendidikan awal di sekolah Inggeris di pekan Sungai Ramal sebelum memasuki kem tentera di Port Dickson untuk melayakkannya menjadi askar Melayu.

Pada bahagian perkembangan, peristiwa tertumpu pada suasana kehidupan penduduk di Kampung Sungai Ramal, Kajang yang hidup dalam serba kemiskinan. Kemiskinan penduduk kampung telah memberikan kesedaran kepada ayah Adnan, iaitu Pak Saidi untuk mengubah nasib bangsanya. Pak Saidi berpendapat bahawa anak-anak perlu diberikan didikan yang sempurna agar mereka lebih berpendidikan dan akhirnya mampu membawa perubahan kepada keluarga, bangsa, dan negara. Pak Saidi diceritakan telah mengambil suatu tindakan yang luar biasa. Pak Saidi telah menghantar anaknya belajar di Sekolah Inggeris. Penduduk kampung khuatir anak Pak Saidi akan dikristiankan atau menjadi murtad. Hal ini mengundang rasa kurang senang penduduk kampung. Mereka ingin menghalau Pak Saidi sekeluarga dari kampung jika dia meneruskan cita-cita tersebut. Namun Pak Saidi tidak berganjak daripada keputusan yang telah dibuatnya.

Pada bahagian klimaks, pertahanan di Bukit Candu semakin meruncing kerana askar Melayu terus diasak oleh tentera Jepun. Askar Melayu terus berjuang dan tidak menyerah kalah. Ketika itu peluru hampir habis dan banyak askar Melayu terkorban sedangkan tentera Jepun semakin ramai menghampiri Bukit Candu. Semua askar Melayu terkorban dan Leftenan Adnan turut tercedera. Tentera Jepun telah berjaya menawan Leftenan Adnan lalu diserkup dengan guni. Tentera Jepun kemudiannya telah menggantung Leftenan Adnan yang cedera parah itu pada dahan pokok ceri lalu ditikam bertubi-tubi oleh setiap tentera Jepun dengan bayonet sehingga mayatnya hancur.

Pada bahagian peleraian, Jepun telah menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 dengan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Sophia membesarkan anak-anaknya dengan mengerjakan sawah dan memotong getah sebelum berkhidmat semula sebagai guru di sekolah Sungai Ramal. Akhirnya Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka. Sophia meninggal dunia akibat penyakit leukemia.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Sinopsis dimulakan apabila pengarang memperkenalkan watak waheeda melayari laman sesawang yang berkaitan dengan perihal kecantikan wajah dan pembedahan plastik pada wajah. Keinginan Waheeda untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya yang bertujuan membaiki, memulih serta menjaga kekemasan diri

Pada bahagian perkembangan novel, Waheeda telah dcederakan oleh seekor monyet Belanda pada wajah dan hidungnya hingga menyebabkan Waheeda dikejarkan ke hospital oleh Fadhil sambil ditemani ibunya Raidah. Waheeda bertemu dengan doktor pakar di Silicon Medical Centre (SMC) bagi menguruskan proses pembedahan mata dan hidungnya. Waheeda

mendapat tawaran kerja di Flamingo de La Rossa sebagai Pegawai Perhubungan Awam. Waheeda berkenalan pertama kali dengan Zahid di Flamingo.

Pada bahagian klimaks, Zahid bertindak nekad dengan menceraikan isterinya Waheeda dengan talak satu kerana sikap cemburu dan sikap curiganya yang terlampau. Waheeda mengalami masalah kemurungan dan mengalami masalah meroyan akibat tindakan suaminya yang kejam dan kerana dia terlalu mencintai suaminya itu.

Pada bahagian peleraian, Ghazi dan Raidah menemani Waheeda bagi mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur. Waheeda dan Ghazi seterusnya mengusahakan chalet Iwana-Iwani milik Pakcik Abdul Aziz yang terletak di Cameroon Highlands dengan menukar nama kepada Aya-Sajinah. Zahid menyesal dengan tindakannya menceraikan Waheeda dan meninggalkan anaknya Izzati. Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahannya terhadap Waheeda dan Izzati. Izzati memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan ayah kandungnya.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan satu persoalan tanggungjawab bagi setiap novel. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak persoalan tanggungjawab dalam novel ini.

Persoalan tanggungjawab yang pertama ialah persoalan tanggungjawab rekrut dalam menjalani latihan ketenteraan. Adnan dan Mamat menjalankan tanggungjawab mereka sebagai rekrut apabila menjalani latihan ketenteraan yang keras dan penuh disiplin di Kem Haig Lines, Port Dickson. Mereka turut dilatih menggunakan senjata api, teknik mempertahankan diri dan gerak gempur. Mereka juga mempelajari ilmu agama dan undang-undang. Adnan turut dipilih sebagai rekrut terbaik

Persoalan tanggungjawab yang kedua ialah persoalan tanggungjawab untuk memajukan perniagaan pelancongan inap desa Tajau Emas. Fadhil menjalankan tanggungjawabnya memajukan Tajau Emas apabila dia menjadi pemandu pelancong dan sentiasa bersikap mesra pelanggan dengan memberikan layanan yang istimewa kepada para pelanggannya. Dia juga mengetengahkan produk yang unik seperti ekopelancongan di dusun buah-buahan dan perkhidmatan ikan mengurut kaki.

SET 16 – PERCUBAAN NEGERI SELANGIR (SET3) 2019

(a) Jelaskan dua contoh peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Pak Saidi sanggup menghantar Adnan dengan berbasikal walaupun jaraknya jauh. Pada sebelah malam Pak Saidi mengajar anak-anaknya mengaji al-Quran pula. Pak Saidi tetap meneruskan persekolahan anak-anaknya di sekolah Inggeris walaupun mendapat tentang daripada penduduk kampung. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana pembaca harus menyedari bahawa setiap ibu bapa harus mementingkan pendidikan anak-anak sejak kecil.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa askar Melayu yang terus berjuang mempertahankan tanah air. Askar Melayu berlindung di kubu ketika serangan Jepun pada waktu malam. Hospital tentera musnah dengan 700 orang askar India terkorban. Tentera Gurkha dan pasukan meriam British di Bukit Timah tewas. Pengalaman tentera Jepun berperang di China digunakan bagi melemahkan tentangan British. Tinggal Bukit Candu dan pasir Panjang sebagai benteng terakhir bagi menyelamatkan pangkalan utama Alexandra. Tanggungjawab digalas oleh kapten Rix dan Leftenan Adnan setelah Percival enggan mengaku kalah. Rix ragu-ragu, tetapi Adnan berjanji akan bertahan hingga ke titisan darah terakhir. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana pembaca harus menyedari bahawa setiap askar harus menanamkan semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan negara seperti Leftenan Adnan.

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Raidah dan Bazilah menemani Waheeda ke SMC. Selepas berjumpa dengan Dr Alma Chen dan menandatangani beberapa dokumen mereka terus ke bilik bedah. Di luar dewan bedah, Raidah memeluk anaknya dan mendoakan keselamatan Waheeda. Begitu juga dengan Bazilah. Kemudian Waheeda berjalan masuk ke bilik bedah dengan hati yang tabah demi kecantikan wajahnya. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana peristiwa ini menyedarkan pembaca tentang nilai kasih sayang seorang ibu, Raidah terhadap anaknya, Waheeda.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Raidah yang perasan akan perubahan yang dialami oleh Waheeda. Perasaan sayang dan cintai terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram. Kemurungan Waheeda juga dapat diperhatikan oleh Ghazi dan mencadangkan agar Waheeda mendapat bantuan pakar perubatan dan kaunseling. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca bahawa pentingnya peranan keluarga dalam menyelesaikan masalah kemurungan yang dihadapi oleh ahli keluarga yang lain.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan satu pengajaran kegigihan bagi setiap novel yang pada pendapat anda dapat dijadikan panduan hidup. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah.

Terdapat banyak pengajaran kegigihan yang boleh dijadikan panduan hidup dalam kedua-dua buah novel. Pengajaran kegigihan dalam novel Leftenan Wira Bangsa ialah kita mestilah gigih menjalani sesuatu latihan agar berjaya mencapai impian. Adnan gigih menjalani latihan ketenteraan sehingga mendapat pangkat leftenan. Beliau gigih menjalani latihan ketenteraan yang keras dan penuh disiplin di Kem Haig Lines, Port Dickson. Beliau turut mempelajari ilmu agama dan undang-undang di kem tersebut. Selain itu, beliau dilatih menggunakan senjata api, teknik mempertahankan diri dan gerak gempur. Kegigihan Adnan ini boleh dijadikan panduan agar pembaca juga gigih dalam melakukan sesuatu sehingga berjaya.

Pengajaran kegigihan dalam novel Tirani pula ialah kita haruslah gigih dalam mempertahankan rumah tangga agar tidak musnah. Waheeda gigih mempertahankan rumah tangganya yang hampir runtuh bersama Zahid dengan membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa bayi yang dilahirkannya merupakan anaknya dan Zahid. Kegigihan Waheeda boleh dijadikan panduan agar pembaca gigih menegakkan kebenaran demi keharmonian keluarga.

SET 18 – JPN TERENGGANU (SET 2) 2019

(a) Unsur saspens dapat menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan novel. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua teknik saspens yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak teknik saspens dalam novel ini.

Pengarang menggunakan teknik saspens apabila ketika perlawanan tinju antara Adnan dan Budin yang diadakan di Kampung Sungai Ramal. Kekalahan pasukan bola sepak dari Sungai Merab dengan pasukan bola sepak Kampung Sungai Ramal menyebabkan perasaan tidak puas hati. Pasukan bola sepak dari Sungai Merab mencadangkan perlawanan tinju antara jaguh kedua-dua buah kampung. Pembaca berasa saspens atau tertanya-tanya apakah pertandingan tinju itu benar-benar akan berlaku kerana Adnan bukanlah seorang yang suka mencari musuh.

Teknik saspens yang digunakan oleh pengarang apabila Pak Saidi bersikap jujur dengan Ketua Kampung apabila memberitahu niat sebenarnya menyekolahkan Adnan di sekolah Inggeris adalah untuk meningkatkan penguasaan berbahasa Inggeris dalam diri anaknya dan bukanlah untuk memurtadkan anaknya, sebagaimana yang didakwa oleh penduduk kampung. Pembaca berasa saspens atau tertanya-tanya akan tindakan penduduk kampung apabila Pak Saidi tegas dengan pendiriannya.

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak teknik saspens dalam novel ini.

Pengarang menggunakan teknik saspens semasa Waheeda digigit dan dicakar oleh monyet Belanda di inap desa Tajau Emas. Kejadian serangan ini berlaku pada waktu malam. Seekor monyet Belanda telah masuk ke dalam chalet Tajau Emas. Nasib malang menimpa Waheeda apabila monyet Belanda itu menggigit dan mencakar muka Waheeda. Waheeda luka parah dan

dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Pembaca tertanya-tanya akan nasib dan tindakan yang akan dilakukan oleh Waheeda setelah mukanya cedera tersebut.

Teknik saspens turut digunakan oleh pengarang apabila Waheeda sanggup menyerahkan sampel rambut dirinya, Zahid dan Izzati untuk ujian DNA kepada Nurjihan. Waheeda sanggup berbuat demikian demi membersihkan namanya setelah Zahid mencurigai bahawa Izzati ialah anaknya. Walaupun Zahid mengakui bahawa wajah bayinya mempunyai persamaan dengan wajah Waheeda dan rambut lebat bayi sama seperti rambutnya namun hidung pesek bayi itu tidak sama dengan hidungnya dan Waheeda menyebabkan dia melemparkan pelbagai tuduhan kepada Waheeda. Pembaca tertanya-tanya akan tindakan Zahid apabila melihat ujian DNA tersebut.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu pengajaran berkaitan kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak pengajaran kasih sayang dalam kedua-dua buah novel.

Pengajaran berkaitan kasih sayang dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah kita haruslah menyayangi anak-anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna kepada mereka. Mak Milah dan Pak Saidi menyayangi anak-anaknya iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah dengan memberikan perhatian dan kasih sayang yang secukupnya. Kesemua anaknya diberikan didikan agama, ilmu kepahlawanan dan pendidikan Inggeris. Mereka berbuat demikian dengan harapan agar anak-anak mereka akan menjadi anak-anak yang berilmu dan berguna kepada bangsa dan negara. Bagi Pak Saidi, anak-anaknya perlu belajar daripada bangsa yang berjaya supaya mendapat ilmu pengetahuan yang tinggi.

Pengajaran berkaitan kasih sayang dalam novel Tirani ialah kita perlulah menyayangi pasangan agar keluarga harmoni. Waheeda begitu menyayangi Zahid dan amat terkesan dengan sikap dingin Zahid terhadapnya. Zahid jarang pulang ke Tajau Emas dan sekiranya Zahid datang, kedatangannya itu hanya menambahkan luka di hati Waheeda. Perasaan sayang dan cinta terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram. Waheeda mengalami kemurungan apabila Zahid melafazkan cerai talak satu kepadanya di hadapan keluarganya. Waheeda terpaksa mendapatkan rawatan dengan Dr. Qamariah untuk mengatasi masalah kemurungannya.

SET 19 – YAYASAN ISLAM KELANTAN 2019

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua peristiwa tentang keberanian watak utama yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Watak utama dalam novel ialah Leftenan Adnan. Terdapat beberapa peristiwa tentang keberanian Leftenan Adnan dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa keberanian Leftenan Adnan mempertahankan Bukit Candu. Leftenan Adnan berani memimpin pasukannya untuk mempertahankan Bukit Candu. Selain ramai yang terkorban, pasukan askar di bawah pimpinan Leftenan Adnan juga kehabisan peluru. Namun, Leftenan Adnan dan pasukannya tidak mengalah sebaliknya meneruskan tentangan terhadap tentera Jepun sehingga ramai tentera Jepun yang terkorban. Dalam keadaan cedera parah, Leftenan Adnan tetap menaikkan semangat juang ahli pasukannya untuk bertahan bersungguh-sungguh demi tanah air tercinta.

Selain itu, terdapat juga peristiwa keberanian Adnan menyertai pertandingan syarahan bahasa Inggeris. Adnan berani menyertai pertandingan syarahan bahasa Inggeris walaupun dia belum begitu fasih dalam bahasa tersebut. Nizam, Ah Chong dan Ramasamy turut mentertawakan Adnan. Dengan usaha yang gigih, akhirnya Adnan berjaya menjuarai pertandingan tersebut.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Watak utama dalam novel ini ialah Waheeda. Terdapat beberapa peristiwa tentang keberanian Waheeda dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa keberanian Waheeda menghadapi tuduhan negatif suaminya. Waheeda berani menghadapi tuduhan negatif suaminya kerana dia tidak bersalah. Waheeda menjelaskan kepada Dr Qamariah bahawa dia tidak takut akan tuduhan nusyuz yang dilemparkan oleh Zahid. Hal ini demikian kerana Waheeda yakin bahawa dia tidak pernah berlaku curang sebagaimana yang didakwa oleh Zahid.

Peristiwa keberanian yang kedua ialah peristiwa keberanian Waheeda mengembangkan perniagaan. Waheeda berani membeli Chalet Iwana-Iwani yang berhadapan dengan masalah kerana pemiliknya iaitu Pak Cik Aziz telah diisytiharkan mufliis akibat penyelewengan yang dilakukan oleh pekerja-pekerjanya. Waheeda juga berani membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana-Iwani tersebut.

SET 20 – PPD KOTA MARUDU, SABAH 2019

(a) Klimaks merupakan bahagian plot yang paling penting dalam sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang membawa kepada klimaks dalam novel tersebut. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak peristiwa yang membawa kepada klimaks dalam novel tersebut.

Peristiwa yang membawa kepada klimaks yang pertama ialah peristiwa Adnan menghantar Sophia dan anak-anak pulang ke kampung semula. Terdapat ura-ura kedatangan tentera Jepun semakin hampir di Tanah Melayu dan Singapura, Adnan terpaksa menghantar keluarganya pulang ke kampung di Kajang demi menjaga keselamatan mereka. Pada ketika itu, Sophia, sedang mengandungkan anak mereka yang ketiga. Pertemuan tersebut adalah pertemuan kali terakhir mereka bersama. Dengan hati yang amat berat Sophia membawa anak-anaknya pulang ke kampung mereka di Kajang. Sekembalinya ke Singapura, Adnan mula mengatur persiapan. Askar Melayu dan tentera British bekerjasama membantu penduduk berpindah. Keadaan di Pasir Panjang sangat sunyi. Sebagai ketua yang menjaga Pasir Panjang, Adnan sentiasa bersiap sedia dan berjaga-jaga.

Peristiwa yang membawa kepada klimaks yang kedua ialah peristiwa berita kemaraan tentera Jepun bertiup kencang pada 6 Disember 1941. Menurut Sir Thomas Philips bahawa askar Jepun akan menyerang Tanah Melayu. Walaupun dijangkakan serangan itu dapat dipatahkan namun mereka akan mengalami pertempuran yang sengit. Mereka menjangkakan askar Jepun akan mendarat di Kelantan dan Singapura. Dengan adanya pesawat peninjau, dapatlah pihak British mengetahui tahap kekuatan, jumlah

tentera, dan mengesan lokasi mereka. Akhirnya penduduk kampung mula mempercayai bahawa Bukit Candu akan diserang dan mereka bersetuju untuk berpindah. Dalam keadaan yang genting itu, dua lembaga cuba mencerooboh rumah penduduk kampung yang ditinggalkan. Dengan bantuan pengawal kampung dan askar, kedua-dua lembaga tersebut berjaya ditangkap. Rupa-rupanya mereka hendak mencuri dan salah seorang daripada mereka ialah Samad.

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang membawa kepada klimaks dalam novel tersebut.

Peristiwa yang membawa kepada klimaks yang pertama ialah peristiwa pertemuan Waheeda, Zahid, Hollaway dan Dr. Rushdi yang bercuti di Hotel Seri Gading. Mereka telah mengimbau kenangan semasa di Flamingo Resort. Kemesraan yang terjalin mereka menyebabkan Zahid meminta diri untuk menyambung jogging. Pada waktu inilah, Halloway dan Dr Rushdi memuji kecantikan Waheeda dan kehebatan wanita-wanita dahulu seperti Helen of Troy, Cleopatra, Ratu Saba dan ramai lagi. Zahid melenting di hujung talian telefon sekembalinya Waheeda ke biliknya. Zahid meragui kejujuran dan keikhlasan Waheeda. Hati Waheeda tergores lagi. Pada malam itu, Zahid tidak pulang ke rumah di Tajau emas dengan alasan untuk menonton bola.

Peristiwa yang membawa kepada klimaks yang kedua ialah peristiwa Zahid tidak menemani Waheeda ketika Waheeda bersalin di Hospital Normah. Datin Hazirah, ibu mentuanya datang menziarahinya dengan membawa jambangan bunga yang kononnya merupakan pemberian daripada Zahid. Ibu mentuanya menyatakan bahawa Zahid sibuk kerana di hotelnya berlangsung konvensyen antarabangsa. Sebaik Datin Hazirah meninggalkan bilik tersebut, fikiran Waheeda teringat akan nada kasar Zahid yang menuduhnya bermain kayu tiga, nusyuz, ingkar dan banyak lagi. Paling menyakitkan hati Waheeda apabila Zahid tidak pasti anaknya, Izzati itu ialah anaknya. Raidah telah menasihati Waheeda supaya banyak bersabar bagi meredakan perasaan tersebut. Waheeda telah pergi berjumpa dengan Nurjihan iaitu sepupu Balqis yang bekerja di Makmal Spektro-Kimia. Waheeda dan Nurjihan berbincang tentang ujian DNA terhadap anaknya, Izzati. Waheeda telah membawa sampel rambutnya, rambut Zahid dan rambut Izzati. Waheeda telah mengetahui maklumat tentang ujian DNA setelah disampaikan oleh Nurjihan.

(b) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan dua peristiwa yang menggambarkan nilai baik hati dalam novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan nilai baik hati dalam kedua-dua buah novel.

Peristiwa nilai baik hati dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah peristiwa Tauke Chong yang baik hati apabila dia bersedia menjual basikal baharu kepada Pak Saidi dengan bayaran secara ansuran. Nordin telah merosakkan basikal Pak Saidi kerana mahu membalas dendam kepada Pak Saidi. Nordin menyalahkan Pak Saidi yang telah menyebabkannya teruk dipukul olah bapanya setelah mendapat tahu kelakuan buruknya mencuri buah-buahan penduduk kampung.

Peristiwa nilai baik hati dalam novel Tirani ialah peristiwa Waheeda baik hati apabila membeli chalet Pak Cik Aziz yang bankrap kerana masalah kewangan. Waheeda telah membeli Chalet Iwana-Iwani daripada Pak Cik Aziz. Dengan bantuan Waheeda tersebut, masalah yang dihadapi oleh Pak Cik Aziz berjaya diselesaikan. Chalet Iwana-Iwani yang diberi nama Chalet Aya-Sajinah berkembang maju dan Waheeda mengharapkan anaknya, Izzati akan mengikuti jejak langkahnya menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya setelah memperoleh ijazah dalam jurusan pelancongan.

SET 22 – SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2019

(a) Jelaskan dua peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca dalam sebuah novel yang telah anda kaji dan berikan sebab-sebab anda berpendapat demikian. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Pak Saidi sanggup menghantar Adnan dengan berbasikal walaupun jaraknya jauh. Pada sebelah malam Pak Saidi mengajar anak-anaknya mengaji al-Quran pula. Pak Saidi tetap meneruskan persekolahan anak-anaknya di sekolah Inggeris walaupun mendapat tentang daripada penduduk kampung. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana pembaca harus menyedari bahawa setiap ibu bapa harus mementingkan pendidikan anak-anak sejak kecil.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa askar Melayu yang terus berjuang mempertahankan tanah air. Askar Melayu berlindung di kubu ketika serangan Jepun pada waktu malam. Hospital tentera musnah dengan 700 orang askar India terkorban. Tentera Gurkha dan pasukan meriam British di Bukit Timah tewas. Pengalaman tentera Jepun berperang di China digunakan bagi melemahkan tentangan British. Tinggal Bukit Candu dan pasir Panjang sebagai benteng terakhir bagi menyelamatkan pangkalan utama Alexandra. Tanggungjawab digalas oleh kapten Rix dan Leftenan Adnan setelah Percival enggan mengaku kalah. Rix ragu-ragu, tetapi Adnan berjanji akan bertahan hingga ke titisan darah terakhir. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana pembaca harus menyedari bahawa setiap askar harus menanamkan semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan negara seperti Leftenan Adnan.

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Raidah dan Bazilah menemani Waheeda ke SMC. Selepas berjumpa dengan Dr Alma Chen dan menandatangani beberapa buah dokumen mereka terus ke bilik bedah. Di luar dewan bedah, Raidah memeluk anaknya dan mendoakan keselamatan Waheeda. Begitu juga dengan Bazilah. Kemudian Waheeda berjalan masuk ke bilik bedah dengan hati yang tabah demi kecantikan wajahnya. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana peristiwa ini menyedarkan pembaca tentang nilai kasih sayang seorang ibu, Raidah terhadap anaknya, Waheeda.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Raidah yang perasan akan perubahan yang dialami oleh Waheeda. Perasaan sayang dan cintai terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram. Kemurungan Waheeda juga dapat diperhatikan oleh Ghazi dan mencadangkan agar Waheeda mendapat bantuan pakar perubatan dan kaunseling. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca bahawa pentingnya peranan keluarga dalam menyelesaikan masalah kemurungan yang dihadapi oleh ahli keluarga yang lain.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, huraikan satu peristiwa yang memaparkan nilai kebijaksanaan yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah.

Terdapat banyak peristiwa yang memaparkan nilai kebijaksanaan dalam novel ini. Peristiwa nilai kebijaksanaan dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah peristiwa kebijaksanaan Pak Saidi bijak membuat keputusan apabila menyekolahkan Adnan di sekolah Inggeris walaupun pada ketika itu anak-anak Melayu yang lain bersekolah pondok. Walaupun berhadapan dengan sikap Guru Besar Steward yang merendahkan kemampuan orang Melayu dan mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk kampung seperti Lebai Pian dan Abu namun Pak Saidi tetap meneruskan keputusannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris.

Peristiwa nilai kebijaksanaan dalam novel Tirani ialah peristiwa kebijaksanaan Fadhil iaitu bapa Waheeda menarik kedatangan pelancong ke inap desanya. Selaku pemandu pelancong, Fadhil membawa tetamu yang menginap di Tajau Emas ke dusun buah-buahan, kolam ikan kap dan menikmati keindahan serta kedamaian Sungai Matang. Di dusun buah-buahan yang berkeluasan 20 hektar tersebut, para pelancong berpeluang merasai kemanisan buah durian, langsung dan rambutan

SET 23 – PPD SEMPORNA, SABAH 2019

(a) Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua konflik yang dihadapi oleh watak utamanya. [7 markah]

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Watak utama dalam novel ini ialah Leftenan Adnan. Terdapat pelbagai konflik yang telah dihadapi oleh Leftenan Adnan dalam novel ini.

Konflik yang pertama ialah konflik antara anak dengan ibu. Adnan berkonflik dengan ibunya, Mak Milah apabila Mak Milah tidak mengizinkan Adnan menjadi anggota tentera sebaliknya dia lebih menyukai Adnan menjadi seorang guru. Mak Milah juga tidak sanggup berpisah dengan Adnan yang perlu menjalani latihan ketenteraan di Kem Haig Lines, Port Dickson.

Konflik yang kedua ialah konflik dengan rakan sekampung. Adnan berkonflik dengan Nordin kerana Nordin tidak suka Adnan menyertai askar. Nordin beranggapan bahawa tindakan Adnan tersebut akan menyebabkan Inggeris terus kuat di Tanah Melayu. Nordin juga menuduh Adnan sebagai pengkhianat bangsa menyebabkan berlaku pergaduhan antara mereka berdua. Adnan telah mencekak leher baju Nordin. Nordin turut menyerang Adnan namun terjatuh ke dalam longkang kerana ilmu persilatan Adnan lebih hebat.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Watak utama dalam novel ini ialah Waheeda. Terdapat pelbagai konflik yang telah dihadapi oleh Waheeda dalam novel ini.

Konflik yang pertama ialah konflik antara anak dengan bapa. Waheeda berkonflik dengan bapanya, Fadhil apabila bapanya menegur Waheeda selepas mengetahui bahawa Waheeda mahu menjalani pembedahan kosmetik. Bapanya tidak mengizinkan Waheeda menjalani pembedahan plastik kerana perbuatan melanggar fitrah Allah itu bertentangan dengan kehendak agama Islam dan melanggar adat resam keturunan mereka. Larangan tersebut menunjukkan bahawa ibu bapa Waheeda tidak mahu anaknya melanggar hukum agama dan adat resam.

Konflik yang kedua ialah konflik antara suami isteri. Waheeda bertengkar dengan suaminya, Zahid kerana Zahid menuduhnya mempunyai hubungan dengan Dawood selepas Zahid menemui mereka di dalam bilik Chalet Tajau Emas. Ketika sampai di chalet tersebut, Zahid terlihat lelaki itu berjabat tangan dengan Waheeda agak lama. Zahid juga sering menuduhnya bermain kayu tiga, nusyuz, ingkar dan pelbagai tuduhan lagi. Sikap Zahid yang sering meragui kejujuran dan keikhlasan Waheeda menyebabkan hubungan mereka menjadi dingin.

(b) Kebijaksanaan pengarang mempersembahkan plot cerita dalam sesebuah novel dapat menimbulkan minat pembaca untuk meneruskan pembacaan mereka. Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan satu peristiwa yang menunjukkan teknik imbas kembali yang digunakan dalam novel tersebut. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak teknik imbas kembali dalam kedua-dua buah novel.

Teknik imbas kembali dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah teringat kembali akan janji ayah. Adnan teringat kembali akan janji Pak Saidi untuk membelikan sebuah basikal untuknya jika dia telah selamat berkhatan semasa Tok Mudim menenangkannya. Hal ini menyebabkan Adnan berani melalui proses berkhatan tersebut.

Teknik imbas kembali dalam novel Tirani ialah teringat kembali akan sikap negatif sahabat. Aiman, sahabat Zahid teringat kembali sikap Zahid semasa zaman bujangnya yang kaki perempuan dan menjadi rebutan ramai gadis kerana memiliki wajah yang kakak seperti hero hindustan tetapi akhirnya Zahid menamatkan zaman bujangnya dengan mengahwini Waheeda yang merupakan Ratu Pelancongan ASEAN pada masa itu.

SET 24 – PPD LAHAD DATU, SABAH 2019

(a) Huraikan dua peristiwa yang memberikan pedoman yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang memberikan pedoman dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Waheeda berani menghadapi risiko apabila dia mengambil alih perniagaan Pak Cik Abdul Aziz yang mempunyai masalah kewangan sehingga dia diisytiharkan muflis kerana penyelewengan yang dilakukan oleh pekerja-pekerjanya. Waheeda berani membeli Chalet Iwana-Iwani sedangkan dia baru sahaja sembuh daripada penyakit kemurungan yang dihadapinya setelah mendapatkan rawatan dan kaunseling daripada Dr. Qamariah serta sokongan moral daripada ibu dan abangnya. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita berani berhadapan dengan risiko untuk mendapatkan kejayaan.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Fadhil dan Raidah yang mematuhi ajaran agama apabila mereka tidak membenarkan Waheeda melakukan pembedahan kosmetik kerana perbuatan mengubah fitrah Allah itu bertentangan dengan kehendak agama Islam dan melanggar adat resam keturunan mereka. Fadhil tidak mahu Waheeda melanggar ajaran agama semata-mata ingin akan kecantikan. Justeru, ajaran agama perlulah dipatuhi oleh semua dalam melakukan sebarang tindakan agar tidak tersalah membuat keputusan. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita tidak melakukan perkara yang melanggar hukum agama supaya hidup diberkati Tuhan.

(b) Dalam setiap novel, konflik yang wujud mampu menjadikan novel menjadi menarik. Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak dan cara penyelesaiannya. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak dan cara penyelesaiannya dalam kedua-dua buah novel.

Peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah peristiwa Adnan yang telah berkonflik dengan Nordin kerana Nordin tidak suka Adnan menyertai askar. Bagi Nordin, perbuatan Adnan tersebut menyebabkan Inggeris semakin kuat di Tanah Melayu. Nordin turut menuduh Adnan sebagai pengkhianat bangsa. Cara watak mengatasi konflik ini ialah Adnan mencekak leher baju Nordin kerana tuduhannya yang tidak berasas. Nordin telah menyerang Adnan namun ilmu persilatan Adnan lebih hebat menyebabkan Nordin terjatuh ke dalam longkang.

Peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak dalam novel Tirani pula ialah peristiwa Waheeda yang berkonflik dengan Zahid kerana suaminya itu tidak pasti sama ada Izzati ialah anak kandungnya ataupun tidak kerana hidung anaknya pesek tidak sama dengan hidungnya Waheeda. Cara Waheeda mengatasi konflik ini ialah Waheeda telah bertemu dengan Nurjihan dan menyerahkan sampel rambutnya, rambut Zahid dan rambut Izzati. Walau bagaimanapun, Zahid tidak melihat ujian DNA itu menyebabkan hubungan antara Zahid dan Waheeda semakin goyah.

SET 25 – RAMALAN CIKGU TAN CL UNTUK SPM BM 2019

(a) Salah satu persoalan yang terdapat dalam novel yang anda kaji ialah persoalan kasih sayang. Jelaskan dua peristiwa yang menggambarkan persoalan kasih sayang dalam sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan persoalan kasih sayang dalam novel ini. Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kasih sayang Mak Milah dan Pak Saidi terhadap anak-anak. Mak Milah dan Pak Saidi menyayangi anak-anaknya iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah dengan memberikan perhatian dan kasih sayang yang secukupnya. Kesemua anaknya diberikan didikan agama, ilmu kepahlawanan dan pendidikan Inggeris. Mereka berbuat demikian dengan harapan agar anak-anak mereka akan menjadi anak-anak yang berilmu dan berguna kepada bangsa dan negara. Bagi Pak Saidi, anak-anaknya perlu belajar daripada bangsa yang berjaya supaya mendapat ilmu pengetahuan yang tinggi. Peristiwa di atas berkaitan dengan persoalan kasih sayang ibu bapa kepada anak mereka.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa kasih sayang antara apabila Tauke Chong bersedia menjual basikal baharu kepada Pak Saidi dengan bayaran secara ansuran bagi menggantikan basikal Pak Saidi yang telah dirosakkan oleh Nordin. Nordin merosakkan basikal Pak Saidi kerana mahu membalas dendam kepada Pak Saidi. Nordin menyalahkan Pak Saidi yang telah dipukul oleh bapanya setelah mendapat tahu kelakuan buruknya mencuri buah-buahan penduduk kampung. Peristiwa di atas berkaitan dengan persoalan kasih sayang antara sahabat.

TIRANI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan persoalan kasih sayang dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kasih sayang Waheeda terhadap Zahid. Waheeda begitu menyayangi Zahid dan amat terkesan dengan sikap dingin Zahid terhadapnya. Zahid jarang pulang ke Tajau Emas dan sekiranya Zahid datang, kedatangannya itu hanya menambahkan luka di hati Waheeda. Perasaan sayang dan cinta terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram. Waheeda mengalami kemurungan apabila Zahid melafazkan cerai talak satu kepadanya di hadapan keluarganya. Waheeda terpaksa mendapatkan rawatan dengan Dr. Qamariah untuk mengatasi masalah emurungannya. Peristiwa di atas berkaitan dengan persoalan kasih sayang seorang isteri kepada suaminya.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa kasih sayang Raidah terhadap Waheeda. dan Raidah gup terbang ke Singapura semata-mata untuk bersama dengan Waheeda pada hari pembedahan mata dan hidung anaknya di Silicon Medical Centre. Raidah juga sanggup menjaga Waheeda ketika anaknya itu bersalin di Hospital Pakar Normah, Kuching serta menemani Waheeda untuk mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling atas penyakit kemurungannya di Pusat Rawatan Islam (Pusrawi), Kuala Lumpur. Peristiwa di atas berkaitan dengan persoalan kasih sayang seorang ibu kepada anaknya.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu sikap masyarakat yang sepatutnya dihindari oleh pembaca. [8 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat banyak sikap masyarakat yang sepatutnya dihindari oleh pembaca dalam novel ini.

Sikap masyarakat yang sepatutnya dihindari oleh pembaca dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah sikap masyarakat yang berprasangka buruk dan berfikiran negatif.

Penduduk Sungai Ramal mewakili masyarakat yang berprasangka buruk dan berfikiran negatif apabila mendapat tahu Pak Saidi menghantar anaknya belajar di sekolah Inggeris. Penduduk kampung menjadi gempar dan ada yang mahu menghalau Pak Saidi keluar dari kampung. Hal ini demikian kerana mereka khuatir anak Pak Saidi akan menjadi murtad sehingga melaporkan perkara itu kepada ketua kampung.

Dalam novel Tirani pula sikap masyarakat yang berprasangka buruk dan cemburu juga perlu dihindari oleh pembaca. Bazilah mewakili masyarakat yang berprasangka buruk dan cemburu apabila melihat kemesraan hubungan antara Waheeda dengan tunangnya, Dr. Zahari ketika Waheeda menumpang tinggal di rumah Bazilah di Yishun Street, Singapura. Waheeda terpaksa melayani Dr. Zahari di ruang tamu kerana Bazilah sibuk menelaah dan sering memerap di dalam bilik untuk menyiapkan kajian dan bahan tesisnya. Akibat ingin menjaga perasaan Bazilah akhirnya Waheeda berpindah keluar dari rumah Bazilah dan tinggal di Flamingo Resort.